



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMAIN INDUSTRI TAHUN 2026

SERDANG, 29 JANUARI 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengadakan Sesi Libat Urus Bersama Pemain Industri di Dewan Tan Sri Yusuf Hashim, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Serdang, Selangor pada 27 Januari 2026. Sesi libat urus ini telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPKM, YBhg. Datuk Seri Isham Ishak.

Program berskala mega ini yang julung kali diadakan, telah berjaya menghimpunkan lebih 100 orang pemain industri dan persatuan daripada sektor tanaman, ternakan serta perikanan, bertujuan memperkukuh dialog strategik dua (2) hala antara KPKM dan industri dalam merangka hala tuju pembangunan sektor agromakanan negara. Dalam sesi ini, YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha KPKM telah membentangkan Hala Tuju Agenda Sekuriti Makanan bagi tahun ini, yang kemudiannya disusuli dengan sesi dialog bersama pemain industri.

Program ini adalah selaras dengan amanat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu semasa Majlis Amanat Tahun Baharu, KPKM yang telah menetapkan lapan (8) hala tuju strategik bagi sekuriti makanan iaitu Pengukuhan Industri Ruminan, Pembangunan Pengeluaran Benih dan Baka Dalam Negara, Kempen Promosi Minum Susu Segar Tempatan, Pengeluaran Jagung Bijian, Peningkatan Tanaman Nanas, Kelapa dan Durian, Pengukuhan Industri Akuakultur, Pengukuhan Infrastruktur Pertanian Melalui Pendekatan 3M (Membina, Menaik Taraf dan Menyelenggara) serta Pemerkasaan Pengusaha Pertanian. Hala tuju ini adalah sejajar dengan usaha memperkukuh pengeluaran tempatan dan memastikan daya tahan sektor agromakanan negara. Usaha ini

bertujuan meningkatkan pengeluaran tempatan, memperkuat daya tahan sektor agromakanan serta mencapai sasaran Kadar Sara Diri (SSR) daging 50% menjelang 2030. KPKM juga menyasarkan pengurangan kebergantungan import benih dan jagung bijian sebanyak 30% menjelang 2040.

Semasa sesi dialog, pelbagai isu telah dibangkitkan, terutamanya oleh Setiausaha Agung Persatuan Penternak Ikan Laut Malaysia (MFFAM) berkaitan cabaran yang dihadapi oleh industri akuakultur negara yang melibatkan bidang kuasa kerajaan negeri seperti kelulusan permit, pembayaran *Temporary Occupational License (TOL)* dan kebenaran merancang (KM). Isu berkaitan rantai nilai, keperluan peningkatan infrastruktur sokongan di ladang, pengukuhan promosi pensijilan MyGAP untuk pertanian tempatan lebih berdaya saing dan serta penambahbaikan segera sistem penyampaian perkhidmatan berkaitan pengeluaran kelulusan lesen dan permit agensi-agensi di bawah KPKM turut dibincangkan. Isu utama yang lain yang turut dibincangkan adalah isu semasa serta hala tuju pembangunan industri ayam di Malaysia.

YBhg. Ketua Setiausaha KPKM memberi jaminan dan menzahirkan komitmen untuk meneliti serta menyelesaikan isu berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan, bagi memperkuat daya saing dan kemampanan sektor agromakanan negara. Semua isu akan digarap dan dianalisis secara menyeluruh demi memastikan kelestarian agenda keterjaminan makanan negara.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

